

MDKL sudah terima peruntukan

Cadangan pembinaan pondok bas di hadapan ILP tersenarai dalam pelaksanaan tahun ini

KUALA LANGAT

Tindakan sekumpulan belia mendirikan khemah sementara untuk keperluan orang awam termasuk pelajar-pelajar sekitar menunggu bas di hadapan Institut Latihan Perindustrian (ILP), Jugra, kelmarin mendapat perhatian Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

Timbalan Yang Dipertua MDKL, Mohd Yasin Bin Alwi berkata, MDKL telah menerima peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) sebanyak RM24,000 untuk pembinaan pondok bas dan terdapat cadangan perhentian bas dibina di hadapan ILP.

"Bagaimanapun, untuk



Hafez (tengah) berada di depan khemah sementara yang dipasang di hadapan ILP Kuala Langat, kelmarin.

makluman masyarakat, tapak tersebut sebelum ini memang mempunyai pondok bas yang dibina oleh pihak ILP tetapi telah dirobohkan ketika pelebaran jalan oleh JKR dan tiada penggantian.

"Usaha sama di antara MDKL

dan JKR sangat baik dan cadangan pembinaan pondok bas di lokasi dimaksudkan sudah termasuk dalam senarai pelaksanaan tahun 2018 bagi lokasi di hadapan ILP Kuala Langat," katanya.

Dalam pada itu, pada tahun

2017 MDKL telah membina lima pondok bas dengan kos sebanyak RM98,000 melalui peruntukan daripada Upen bagi tujuan naik taraf laluan bas Smart Selangor iaitu dari Banting ke KLIA.

Lokasi pembinaan pondok bas

tahun 2017 termasuklah di Bandar Banting, Zetcom Olak Lempit, hadapan Taman Nuri Olak Lempit, Labohan Dagang arah KLIA dan Labohan Dagang arah Banting.

Kelmarin, Pengerusi Belia 4B Kuala Langat, Hafez Shuriddin bersama ahlinya mendirikan sebuah khemah sementara untuk pengguna berteduh sementara mendapatkan perkhidmatan bas awam.

Menurutnya, beliau melihat sekumpulan pelajar terpaksa berpanas di kawasan tempat menunggu bas dan terpenggil untuk menjalankan aktiviti sukarela mendirikan khemah bagi kegunaan pelajar di kawasan itu.

"Khemah ini hanya sementara bagi keperluan mereka yang ingin menunggu bas di kawasan itu.

"Selepas ini tak lah mereka berpanas menunggu bas, sehingga pembinaan pondok bas baru dibina," katanya.

Usaha itu dilakukan selepas foto sekumpulan pelajar yang terpaksa berpanas ketika menunggu bas berikutan ketiadaan pondok bas tular di laman sosial.